

Forum radikalisme di UMS buka minda mahasiswa

MSI 29.4.2019 6
KOTA KINABALU: Satu forum berilmiah tinggi telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Serbaguna, Kolej Kediaman Tun Fuad, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kota Kinabalu baru-baru ini.

Program tersebut telah berjaya membuka minda mahasiswa dalam memahami konsep radikalisme yang merupakan cabaran penting dewasa ini.

Bertemakan 'Mahasiswa Cakna Mahasiswa Cemerlang', Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS), Kediaman EcoPark UMS menyahut cabaran global untuk mengadakan forum ilmiah ini dalam membahaskan isu semasa dan global.

Program tersebut dibarisi oleh Panel Jemputan iaitu Dr. Nordi Archie yang merupakan Pensyarah PPIB, UMS Labuan dan Ustaz Abdul Rahman Tajudin yang merupakan Fellow Counter Narrative Centre for Countering Violent Extremism (CON-CAVE), Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI).

Dalam forum tersebut, Dr. Nordi menyatakan bahawa radikalisme ada yang positif dan ada yang negatif. Kemudian dikupas dengan cara mendalam oleh Ustaz Abd Rahman berkenaan realiti yang berlaku di dunia hari ini.

Beliau menyatakan tentang radikalisme fahaman tertentu iaitu Zionisme, Ku Klux Klan dan Salafi Jihadi. Beliau menyatakan bahawa radikalisme berlaku apabila mereka begitu rigid, jumud, kaku dan menolak toleransi lantas menyebabkan tindakan terorisme kerana mereka menolak yang lainnya dan beranggapan mereka sahaja yang



ILMIAH ... Kupasan panel forum, Ustaz Abdul Rahman Tajudin membentangkan fakta dan kajian lapangan di dunia realiti berkenaan radikalisme yang mendasari dunia global masa kini.

beran.

Ideologi mereka berpandangan bahawa mereka wajib mengubah sistem yang sedia ada secara total walaupun dengan pertumpahan darah semata-mata mencapai matlamat yang diinginkan.

Fahaman zionisme yang bermatlamatkan membentuk negara Israel Raya, Ku Klux Klan yang bermatlamatkan memprotes kekangan katolik, Salafi-Jihadi yang mahu menghapuskan pengamal bid'ah sehingga sanggup membunuh sesama muslim, keganasan White Supremacist dan sebagainya telah membuktikan radikal melewati sempadan agama dan bangsa.

Ideologi radikal yang dipegangi oleh kelompok minoriti ini menyebabkan absolutisme, eksklusivisme dan fanatisme. Ini yang menyebabkan lontaran bid'ah, syirik, kafir dan halal darah jikalau ia sentiasa berterusan. Forum tersebut dimoderator oleh Zaiful Juneidi yang merupakan ma-

hasiswa Naib President pelajar UMS.

Menurut, pengarah program, Siti Aishah, program tersebut berjaya membuka minda mahasiswa dan berharap agar program tersebut diteruskan pada masa akan datang dengan topik yang lebih menarik lagi.

Program tersebut dirasmikan oleh Timbalan Naib Cancellor HEPA. Dalam ucapannya beliau mengalu-alukan program sedemikian agar mahasiswa terus memimba ilmu dan aktif dalam aktiviti keilmuan membina modal insan yang cemerlang.

Program tersebut berjaya mengupas tentang makna radikalisme yang menjadi isu semasa di dunia global masa kini. Semoga dengan adanya program ini anjuran JAKMAS, ia dapat menjadi modul terbaik di dalam melestarikan keamanan dan kesejahteraan global serta ketamadunan umat Islam.